



Perpaduan Pelajar Berbilang Kaum dalam Subjek Teras di Universiti Malaysia Pahang

(The Unity of Multiracial Students in the Core Subject in Universiti Malaysia Pahang)

NORADILAH MD NORDIN

noradilah@ump.edu.my

MUNIRA ABDUL RAZAK

munira@ump.edu.my

TUAN SIDEK TUAN MUDA

sidek@ump.edu.my

AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM

irfan@ump.edu.my

Jabatan Sains Kemanusiaan

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

Universiti Malaysia Pahang

ABSTRAK

Secara amnya objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sejumlah 436 orang pelajar UMP telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Angkubah perpaduan diukur menggunakan skala Perpaduan yang dibina oleh Abdul Rahim dan Siti Norashikin (2010). Analisis deskriptif statistik menunjukkan bahawa, majoriti (70%) responden berada pada tahap sederhana bagi perpaduan. Sejumlah 17.9% dan 12% responden adalah berada pada tahap tinggi dan rendah masing-masing. Analisis selanjutnya menunjukkan bahawa majoriti pelajar setuju dengan semua pernyataan dalam skala tersebut. Namun begitu, peratusan responden yang tidak setuju bagi item empat dan tujuh dalam skala perpaduan perlu diberi perhatian memandangkan ianya akan memberi kesan negatif dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Katakunci: Perpaduan dan Etnik pelbagai

ABSTRACT

The main objective of this study was to identify the level of unity among multi-ethnic students in core subject at Universiti Malaysia Pahang (UMP). A total of 436 respondents were selected through purposive sampling. The unity was measured by 12 items in the Unity Scale instrument developed by Abdul Rahim and Siti Norashikin (2010). The results of descriptive analysis shown the majority of respondents (70%) exhibited a moderate level of unity. About 17.9% and 12% of the respondents exhibited a high and lower level of unity respectively. A further analysis found that the majority of respondents agree with all the items in the scale. However, the percentages for those not agree with the items four and seven should be given a proper attention due to negative affect on unity among Malaysian society.

Keywords: Unity and multi-ethnic

PENGENALAN

Perpaduan kaum merupakan satu elemen yang sangat penting dalam agenda pembangunan negara khususnya bagi negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Menurut Furnival (1965), masyarakat majmuk ditakrifkan sebagai penduduk pelbagai kaum yang tinggal dalam satu kawasan yang sama tetapi mengamalkan agama, bahasa, kebudayaan dan adat resam yang tersendiri. Berdasarkan takrifan tersebut, maka masyarakat Malaysia boleh dirujuk sebagai sebuah masyarakat majmuk. Ini kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada kaum yang pelbagai iaitu Melayu, Cina dan India. Kepelbagaian kaum tersebut menjurus kepada pertembungan agama, bahasa dan adat resam. Pertembungan ini sedikit sebanyak membawa kepada perselisihan jika tidak diurus dengan baik.

Justeru itu, nilai perpaduan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat Malaysia, tambahan pula Malaysia adalah sebuah Negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama. Nilai ini seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya agar proses pembangunan yang dirancang mencapai matlamat pembangunan. Di antara salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia adalah melalui penerapan elemen perpaduan dalam pendidikan. Sebagai contoh, di sekolah-sekolah pelajar diwajibkan mempelajari subjek sejarah. Dalam pelajaran tersebut, pelajar mempelajari bagaimana kemerdekaan dikecapi melalui kerjasama antara etnik yang berbeza iaitu cina, melayu dan india. Ini seterusnya akan menanamkan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbeza etnik.

Manakala di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) subjek teras universiti diperkenalkan iaitu Hubungan Etnik dan Tamadun Islam & Asia (TITAS). Kedua-dua subjek ini memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan perpaduan terutama kepada masyarakat majmuk di negara kita disamping membentuk jati diri sebagai rakyat Malaysia yang mengamalkan tolenransi sebagai teras perpaduan. Subjek ini sangat penting kepada mahasiswa dan mahasiswi oleh kerana mereka merupakan generasi yang bakal menerajui kepimpinan Negara. Tambahan pula, tinjauan literatur menunjukkan bahawa tahap perpaduan masih berada pada tahap yang rendah (Suzana, 2013; Rusimah, Mohd Ainuddin Iskandar & Salma, 2004; Mohd Ridhuan, 2010). Perpaduan yang rendah dalam kalangan etnik yang pelbagai boleh membawa kepada kesan negatif khususnya kepada pembangunan negara. Oleh itu, kajian ini telah memberi penekanan kepada elemen perpaduan dalam kalangan pelajar subjek teras di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kajian ini menfokus kepada responden daripada kalangan pelajar universiti oleh kerana pelajar universiti merupakan belia yang bakal menerajui pembangunan negara kelak. Dengan itu kajian ini dijalankan berdasarkan persoalan kajian seperti dibawah:

1. Apakah profil perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam subjek teras di Universiti Malaysia Pahang?
2. Apakah tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam subjek teras di Universiti Malaysia Pahang?

ULASAN KAJIAN LEPAS

Yew, Mohamed, Mansor, Samsudin dan Shaari (1990) mendapati bahawa tahap perpaduan etnik di semenanjung Malaysia adalah pada tahap yang rendah. Dalam kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa angkubah seperti media massadan komunikasi tidak mempunyai perkaitan dengan perpaduan. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa elemen seperti pendidikan, keupayaan menguasai bahasa dan persepsi etnik mempunyai perkaitan yang negatif kepada perpaduan.

Jika dibandingkan pula dengan kajian Abdul Rahim dan Siti Norashikin (2010), penyelidik mendapati bahawa secara keseluruhannya kesemua item perpaduan yang diukur adalah pada tahap sederhana. Secara terperinci, analisis kajian ini menunjukkan bahawamajoriti responden kajian mempunyai tahap yang tinggi terutama dalam menerima pendapat dari kaum lain. Namun begitu, analisis seterusnya menunjukkan majoritiresponden kajian ini (60.1%) kurang mengadakan perbincangan dengan kaum yang lain. Kajian ini terdiri daripada 115 orang pelajar Kemahiran Hidup di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan, Jerantut, Pahang.

Suzana (2013) pula mengkaji perpaduan dari beberapa aspek melalui kaedah kualitatif iaitu temubual. Responden kajian adalah 20 orang pelajar Program Diploma Tahun 2 di Universiti Malaysia Perlis. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa tahap komunikasi antara pelajar pelbagai etnik berada pada tahap yang tinggi dan responden berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu oleh kerana mudah difahami oleh semua etnik. Kajian ini juga menunjukkan bahawa para pelajar masih belum bersedia untuk tinggal sebilik dengan pelajar pelbagai etnik di kolej kediaman masing-masing. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa responden gemar makan makanan pelbagai etnik tetapi masih ada segelintir pelajar yang hanya memakan makanan etnik sendiri. Namun begitu, responden kajian ini menerima kepelbagaian budaya terutama dari aspek pemakaian pakaian tradisional.

Manakala kajian oleh Rusimah, Mohd Ainuddin Iskandar dan Salma (2004) mendapati bahawa tahap keselesaan dalam menjalin hubungan antara kaum adalah pada tahap yang sederhana. Responden kajian adalah pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Selain itu, kajian oleh Samsudin (1992) pula mendapati bahawa perpaduan kaum antara etnik cina dan melayu akan bertambah baik sekiranya berlaku kekerapan komunikasi, mempunyai persepsi positif terhadap etnik cina, mengetahui kebudayaan cina dan menguruskan konflik.

Kajian oleh Zaharah, Fazilah, Noor Aziah, Azizah dan Mansor (2010) pula mendapati bahawa antara punca menghalang komunikasi antara etnik adalah responden mempunyai pengetahuan yang kurang berkaitan dengan etnik lain. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar tidak keluar bersama-sama kaum lain untuk aktiviti seperti membeli-belah & makan. Bagi kerja berkumpulan jika mereka diberi pilihan, mereka memilih untuk bersama-sama dengan etnik sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk menghuraikan profil perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pembelajaran subjek teras di Universiti Malaysia Pahang. Dalam pada itu kajian ini juga bertujuan untuk menentukan tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pembelajaran subjek teras di Universiti Malaysia Pahang.

METODOLOGI

Sampel kajian ini terdiri daripada 436 orang responden pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sampel diambil dengan menggunakan persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu dengan hanya mengambil kira pelajar yang mendaftar subjek Hubungan Etnik dan Tamadun Asia & Islam (TITAS). Pertama, dua buah kampus UMP iaitu Kampus Gambang dan Pekan telah diambil kira dalam persampelan kajian ini. Kedua, subjek teras universiti iaitu Hubungan Etnik dan TITAS dipilih bagi memenuhi tujuan kajian. Ketiga, daripada 14 seksyen subjek Hubungan Etnik, 7 telah dipilih secara rawak. Manakala bagi subjek TITAS, daripada 13 seksyen, 10 seksyen telah dipilih secara rawak.

INSTRUMEN

Dalam kajian ini, borang soal selidik telah digunakan. Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengukur latar belakang responden kajian iaitu umur, jantina, etnik dan agama. Manakala bahagian B mengukur angkubah perpaduan. Bagi mengukur angkubah perpaduan, skala perpaduan yang dibina oleh Abdul Rahman & Siti Norashikin (2010) telah digunakan. Skala ini mempunyai 10 item dan setiap item diukur menggunakan skala Likert 4 poin (1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = setuju, 4 = sangat setuju). Melalui analisis kajian rintis seramai 30 orang responden, skala ini mempunyai nilai Alpha-Cronbach 0.9. Ini menunjukkan bahawa skala perpaduan mempunyai nilai reabiliti yang tinggi dan boleh digunakan bagi tujuan kajian ini. Nilai minimum dan maksimum bagi skala ini adalah 1 dan 40 masing-masing. Semakin tinggi skor dalam skala ini menunjukkan semakin tinggi nilai perpaduan dalam kalangan responden.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Berdasarkan analisis kajian yang dilakukan ke atas 436 responden pelajar UMP, data kajian menunjukkan majoriti responden adalah Melayu (76.1% atau 332 responden) dan diikuti oleh Cina (14% atau 61 responden), India (4.6% atau 20 responden), Bumiputera Sabah atau Sarawak (4.1% atau 18 responden) dan lain-lain kaum (1.1% atau 5 responden). Dari segi jantina, majoriti adalah lelaki (59.9% atau 261 responden) manakala peratusan selebihnya adalah perempuan iaitu berjumlah 40.1% atau 175 responden. Dari sudut agama, responden kajian ini menganuti agama

Islam (80.3% atau 350 responden), Buddha (13.3% atau 58 orang), Hindu (3% atau 13 responden), Kristian (3.2% atau 14 responden) dan lain-lain (0.2% atau 1 responden).

OBJEKTIF PERTAMA

Dalam menghuraikan perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pembelajaran subjek teras di Universiti Malaysia Pahang, sepertimana dalam Jadual 1 di bawah, jelas ia memaparkan peratusan dan kekerapan perpaduan pelajar pelbagai kaum di UMP. Analisis deskriptif statistik menunjukkan bahawa bagi item pertama, majoriti (56.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 0.7 peratus atau 3 orang sahaja yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan, majoriti pelajar yang mendaftar subjek teras universiti di UMP gemar melakukan kerja dalam kumpulan berlainan kaum.

Hasil analisis deskriptif statistik bagi item kedua pula menunjukkan majoriti (63.1%) responden kajian bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang mendaftar subjek teras university gemar bertanya soalan kepada pelajar berlainan kaum. Hanya sebilangan responden sahaja responden (3 orang) sahaja yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi item ketiga, analisis menunjukkan bahawa majoriti (54.5%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dan diikuti dengan sangat setuju (37.2%). Ini menunjukkan bahawa sejumlah 91.7 peratus pelajar yang mendaftar subjek teras di UMP tidak kekok bergaul dengan pelajar berlainan kaum. Hanya sejumlah kecil responden kajian yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan 7.4 dan 0.9 peratus masing-masing.

Seterusnya, hasil analisis deskriptif statistik bagi item keempat menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju (44.7%) dengan item empat dan diikuti oleh sangat setuju (27.8%), tidak setuju (24.5%) dan sangat tidak setuju (3%). Walaupun peratusan setuju dan sangat setuju lebih besar, data ini menunjukkan bilangan responden kajian yang tidak setuju dan sangat tidak setuju agak membimbangkan iaitu seramai 120 (27.5%) orang responden. Bilangan ini menunjukkan bahawa pelajar UMP yang mendaftar subjek teras di UMP tidak terdiri daripada kaum yang pelbagai. Ini seterusnya, akan menghalang proses komunikasi antara kaum yang pelbagai. Komunikasi antara kaum diperlukan untuk memupuk perpaduan kaum.

Jadual 1: Peratusan dan Kekerapan Perpaduan pelajar pelbagai kaum di Universiti Malaysia Pahang

NO	ITEM	Sangat tidak setuju (%)		Tidak setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		f	(%)	f	(%)	f	(%)	f	(%)
1.	Saya gemar melakukan kerja dalam kumpulan yang berlainan kaum.	3	0.7	40	9.2	246	56.4	147	33.7
2.	Saya gemar bertanya soalan kepada pelajar berlainan kaum.	3	0.7	53	12.2	275	63.1	105	24.1
3.	Saya tidak kekok bergaul dengan pelajar berlainan kaum.	4	0.9	32	7.4	237	54.5	162	37.2
4.	Kumpulan belajar saya terdiri daripada kaum yang pelbagai.	13	3.0	107	24.5	195	44.7	121	27.8

5.	Saya melakukan aktiviti dengan pelajar berlainan kaum.	5	1.2	60	13.9	251	58.0	117	27.0
6.	Saya menerima pendapat daripada pelajar kaum yang lain.	2	0.5	14	3.2	264	60.6	156	35.8
7.	Saya sentiasa mengadakan perbincangan pembelajaran dengan kaum yang lain.	4	0.9	122	28.0	220	50.5	90	20.6
8.	Saya mudah mesra bergaul dengan pelajar berlainan kaum.	1	0.2	59	13.5	250	57.3	126	28.9
9.	Pelajar dari kaum yang lain memberi kerjasama semasa belajar.	2	0.5	24	5.5	279	64.0	131	30.0
10.	Saya gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum.	2	0.5	21	4.8	285	65.4	128	29.4

Analisis item kelima pula menunjukkan bahawa majoriti (85%) responden kajian setuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan 57.6 dan 26.8 peratus masing-masing. Hasil analisis ini menunjukkan, majoriti pelajar UMP yang mendaftar subjek teras di UMP melakukan aktiviti dengan pelajar berlainan kaum. Namun begitu, terdapat peratusan responden kajian tidak setuju (13.9%) dan sangat tidak setuju (1.2%) dengan pernyataan tersebut.

Bagi analisis deskriptif item enam pula, majoriti (60.6%) responden kajian setuju dengan pernyataan tersebut. Peratusan seterusnya diikuti oleh sangat setuju (35.8%), tidak setuju (3.2%) dan sangat tidak setuju (0.5%). Dengan itu, keputusan analisis item enam ini menunjukkan majoriti pelajar UMP yang mendaftar subjek teras setuju dan sangat setuju menerima pendapat daripada pelajar kaum lain.

Hasil analisis item tujuh menunjukkan bahawa sejumlah 220 (50.5%) responden setuju dengan pernyataan tersebut iaitu “saya sentiasa mengadakan perbincangan pembelajaran dengan kaum yang lain”. Ini diikuti dengan tidak setuju (28%), sangat setuju (20.6%) dan sangat tidak setuju (0.9%). Namun begitu bilangan responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju (126 orang) amat membimbangkan kerana mereka tidak mengadakan perbincangan pembelajaran dengan kaum yang lain.

Analisis item lapan mendapati bahawa majoriti (57.3%) responden setuju dengan pernyataan tersebut iaitu “saya mudah mesra bergaul dengan pelajar berlainan kaum” dan diikuti oleh sangat setuju (30%). Hanya sejumlah peratusan kecil yang tidak setuju (13.5%) dan sangat tidak setuju (0.2%) dengan pernyataan tersebut.

Bagi item sembilan, majoriti (64%) responden setuju dengan pernyataan tersebut. Kemudian diikuti oleh sangat setuju iaitu sejumlah 30 peratus atau 131 responden. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar UMP yang mendaftar subjek teras memberi kerjasama semasa belajar dengan kaum yang lain. Analisis juga menunjukkan bahawa hanya sejumlah peratusan kecil yang tidak setuju (5.5%) dan sangat tidak setuju (0.5%) dengan pernyataan tersebut.

Analisis terakhir bagi item sepuluh menunjukkan bahawa majoriti (65.4%) responden setuju dengan item tersebut iaitu “saya gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum”. Ini diikuti oleh sangat setuju (29.4%). Hanya 4.8 peratus tidak setuju dan 0.5 peratus sangat tidak

setuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa, majoriti pelajar yang mendaftar subjek teras di UMP gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum.

OBJEKTIF KEDUA

Dalam menjawab Objektif ke Dua pula, iaitu untuk menentukan tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pembelajaran subjek teras di Universiti Malaysia Pahang, keputusan ujian deskriptif statistik bagi perpaduan dapat dilihat dalam jadual 2. Tahap perpaduan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi dengan menggunakan formula $\text{mean} \pm \text{S.D.}$. Analisis data menunjukkan bahawa majoriti pelajar (70% atau 305 responden) Universiti Malaysia Pahang mempunyai tahap perpaduan yang sederhana. Namun begitu, tahap perpaduan ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kajian Yew, Mohammad, Mansor dan Samsudin (1990) yang mendapati bahawa tahap perpaduan etnik di Semenanjung Malaysia adalah pada tahap yang rendah. Tahap sederhana dalam skala perpaduan menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai tahap yang sederhana bagi aspek perpaduan dalam kaum yang pelbagai. Tahap sederhana ini seterusnya diikuti oleh tahap tinggi (17.9%) dan tahap rendah (12.2%). Walaupun hanya 12.2 peratus responden yang menunjukkan skor pada tahap yang rendah, jumlah peratusan ini perlulah diberi perhatian yang sewajarnya.

Jadual 2: Tahap Perpaduan dalam kalangan Pelajar Berbilang Kaum di Universiti Malaysia Pahang

Angkubah Perpaduan	n = 436 (%)	Purata	Sisihan piawai	Minimum	Maksimum
Rendah (11 - 26.76)	53 (12.2)	31.52	4.76	11	40
Sederhana (26.77 – 36.27)	305 (70)				
Tinggi (36.28 – 40)	78 (17.9)				

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap perpaduan pelajar subjek teras di Universiti Malaysia Pahang berada pada tahap yang sederhana. Analisis 10 item dalam skala perpaduan menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju dengan item-item tersebut. Namun begitu, 2 item dalam segala perpaduan tersebut iaitu item empat (saya sentiasa mengadakan perbincangan pembelajaran dengan kaum yang lain) dan tujuh (Kumpulan belajar saya terdiri daripada kaum yang pelbagai) perlu diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini kerana peratusan pelajar yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju agak membimbangkan. Oleh itu, pihak universiti perlulah mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, H. & Siti Norashikin, M. (2010), Tahap Pepaduan Pelajar Pelbagai Kaum dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). (Atas Talian) Muat turun 13 Februari 2013, dari http://eprints.utm.my/10727/1/Tahap_Perpaduan_Pelajar_Pelbagai_Kaum_Dalam_Mata_Pelajaran_Kemahiran_Hidup_Bersepadu.pdf
- Furnivall, J. S. (1965). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, New York University Press.
- Mohd Ridhuan, T. A. (2010). Cabaran Integrasi antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari* 3, 61-84.
- Rusimah, S., Mohd Ainuddin Iskandar, L. A. & Salma, I. (2004). Kajian Hubungan Kaum di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pementapan Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme*, 4-6 September 2004. Langkawi Kedah, 162 -172.
- Samsudin A. R. (1992). Peramal Perpaduan antara Etnik: Implikasi Terhadap Perancangan Komunikasi. *Jurnal Komunikasi* 8, 65-70.
- Suzana, S. (2013). Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik: Kehidupan Sehari-hari Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013, Universiti Malaysia Perlis. *Paper Proceeding of The International Conference on Social Science Research ICSSR 2013*. (4-5 June 2013).
- Yew, Y. K., Mohamed, M. Y., Mansor, A., Samsudin, A. R., & Shaari, M. N. (1990). Intercultures communications and national unity: The Malaysian case. Dalam Abdul Halim, O & Wan Rafei, A. R. (eds). *Psychology and socio-economic development. Collection of working papers 12*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaharah H., Fazilah, I., Noor Aziah, M. A., Azizah, Y. & Mansor, M. N. (2010). Contribution of Education to Enhancing Unity: Malaysian Experience. *The International Journal of Learning* 17(9), 197-206.